

Prof Madya
Ruhanas
Harun



Mitos bangsa serumpun

Berita HARI.

Masalah dihadapi harus diselesaikan mengikut peraturan dan

dalam hubungan Malaysia-Indonesia

22 SEP. 2010

DN

MIS 18

norma hubungan antarabangsa tanpa mengira rakan atau keluarga

BERIKUTAN tunjuk perasaan anti-Malaysia di Jakarta, baru-baru ini, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, menggariskan beberapa asas untuk memperbaiki hubungan Indonesia-Malaysia. Ia berlandaskan kepentingan dua negara berjiran yang juga anggota pengasas ASEAN, hubungan ekonomi dan perdagangan yang penting bagi kedua-dua negara, peranan Malaysia dan Indonesia dalam menjamin keamanan serantau serta kehadiran dua juta rakyat Indonesia di Malaysia.

Sudah sampai masanya kita tidak lagi meletakkan hubungan dua hala Malaysia-Indonesia dalam konteks 'bangsa serumpun' seperti pernah diutarakan sesetengah orang (termasuk orang politik) di Malaysia tetapi dalam konteks dua negara berdaulat yang secara kebetulan menjadi jiran rapat dan mempunyai banyak persamaan budaya, agama dan sosial.

Konsep 'bangsa serumpun' dalam hubungan dua negara menjadi masalah kerana ia mempunyai pengertian dan tanggapan berbeza di kedua-dua pihak. Ia juga menimbulkan kekeliruan masyarakat mengenai konotasi hubungan 'persaudaraan' dua negara. Hubungan berdasarkan idea bangsa serumpun melahirkan obligasi yang sukar dipenuhi dua negara yang bebas dan berdaulat. Ia membabitkan perkongsian dari segi identiti, saling menghormati, toleransi, kemesraan, sikap tolak ansur, pengiktirafan serta penerimaan kedudukan masing-masing dalam sebuah keluarga besar. Apa yang berlaku akhir-akhir ini tidak membayangkan idea 'keserumpunan' dan persaudaraan itu. Bagi Indonesia, keserumpunan tidak memberi hak kepada Malaysia untuk menyatakan yang ia juga mewarisi unsur persamaan itu. Indonesia cenderung menuduh Malaysia sebagai gemar 'menuntut' dan mencuri kepunyaan orang lain!

Hubungan dua negara bebas dan berdaulat tanpa menyelitikan idea keserumpunan mungkin kurang membebaskan Malaysia-Indonesia. Masalah yang dihadapi akan diselesaikan mengikut peraturan dan norma hubungan antarabangsa tanpa mengira rakan atau keluarga. Isu yang timbul tidak boleh lagi dieksploitasi kumpulan tertentu dan orang politik di Indonesia yang mahu mencari khlayak politik dan meraih keuntungan. Demonstrasi membabitkan penghinaan terhadap maruah Malaysia dan ancaman kepada rakyatnya menunjukkan betapa isu yang boleh diselesaikan secara diplomatik dan waras dipergunakan kumpulan itu untuk kepentingan mereka.

Dalam hal ini, kerajaan Indonesia nyata terperangkap dalam dilema antara menjaga kepentingan politik dalaman mereka dan pada masa sama perlu memelihara keharmonian hubungannya dengan Malaysia. Jakarta seolah-olah tidak mampu menghalang segelintir rakyatnya yang tidak memahami peri pentingnya hubungan baik antara dua jiran dan kurang arif mengenai urus tadbir dan pelaksanaan undang-undang di Malaysia. Indonesia cenderung mengatakan demonstrasi sebahagian daripada demokrasi. Tetapi apakah demonstrasi memberikan lesen untuk menghina sebuah negara lain seperti ditunjukkan beberapa kumpulan di Indonesia?

Mungkin terdapat perbezaan budaya politik antara dua negara yang seterusnya membentuk sikap rakyat mereka mengenai cara menuntut hak dan bersuara. Secara umumnya ada dua sikap dalam hubungan rakyat dan pemerintah. Pertama ialah budaya politik

yang mempercayai atau menghormati pemerintah yang dipilih. Kedua, budaya politik yang tidak mempercayai atau menghormati pemerintah. Dalam kes kedua, timbul keraguan terhadap kemampuan pemerintah dalam menyelesaikan isu dengan negara luar, lantas mereka mengambil sikap 'taking the law into one's own hand.' Mungkin timbul pertanyaan kenapa kumpulan kecil seperti BENDERA atas inisiatif dan kesedaran sendiri (?) boleh 'mengisytiharkan' perang terhadap Malaysia? Rakyat Malaysia secara keseluruhan bertanya-tanya kenapa Indonesia begitu benci orang Malaysia sedangkan di Malaysia, Indonesia selama ini dianggap seperti saudara?

Malaysia juga mempunyai persamaan budaya dan sosial dengan beberapa negara lain terutama Brunei dan Singapura. Malah, kalau diperhalusi, persamaan antara mereka mungkin lebih banyak daripada Indonesia. Namun jarang disebut dalam hubungan mereka idea 'bangsa serumpun' sekalipun hubungan Malaysia dengan negara itu amat rapat bukan saja pada peringkat pemimpin malah di kalangan rakyat sehingga terdapat suasana kemesraan dan rasa senang tanpa berlaku sikap meninggi diri.

Tidak dinafikan terdapat isu dalam hubungan Malaysia dengan Singapura tetapi diselesaikan secara bertamadun tanpa emosi keterlaluan. Apabila Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) membuat keputusan memberi hak Pulau Batu Putih kepada Singapura, tidak ada penunjuk perasaan membakar bendera Singapura dan melontar najis ke pekarangan kedutaannya di Kuala Lumpur. Memang terdapat rasa tidak puas hati rakyat Malaysia mengenai perkara itu tetapi tidak ditunjukkan dalam bentuk yang menyebabkan hubungan dua hala dikompromi. Demokrasi dan kebebasan media bukan lesen untuk menghukum orang lain.

Mungkin ini kerana antara Malaysia, Brunei dan Singapura wujud persamaan budaya politik yang terhasil dari sejarah, keadaan ekonomi dan sosial serta sistem politik yang menyebabkan pemerintah dihormati dalam hal bersangkutan pelaksanaan peraturan, undang-undang dan perlakuan negara di peringkat antarabangsa. Antara tiga negara itu, terdapat satu penerimaan dan pengiktirafan bahawa mereka mempunyai warisan bersama. Kalau tidak sudah tentu berlaku huru-hara jika setiap dari mereka menuntut mihun Singapura, nasi ayam, tarian dan lagu yang rakyat mereka nyanyikan bersama. Tom yam adalah makanan orang Thai yang amat popular di Malaysia. Mungkinkah akan berlaku 'perang tom yam' antara Malaysia-Thailand apabila kita menyajikan makanan itu dalam festival makanannya? Perlukah Malaysia mengharamkan nasi Padang untuk mengelak ia daripada menjadi satu isu dalam hubungan Malaysia-Indonesia?

Apakah akan dinafikan hak orang keturunan Indonesia seperti Minang, Jawa, Bugis dan lain-lain yang kini rakyat Malaysia tetapi turun temurun mengamalkan budaya mereka dalam kehidupan seharian di sini seperti orang Minang dengan nasi Padang mereka, tarian dan lagu yang berkumandang di radio nasional Malaysia? Wajarkah pemerintah Malaysia mengharamkan semua ini bagi membersihkan negara ini daripada 'hasil kecurian' dan pengaruh Indonesia supaya tidak dipergunakan dan diputar belit oleh kumpulan tertentu dan orang politik yang menanggung di air keruh? Malaysia tidak kurang dengan budaya dan makanan tempatannya. Ubah selera kepada nasi kerabu Kelantan,



GAMBAR HIASAN

PEKERJA dari Indonesia bekerja keras mencari rezeki di Malaysia untuk menampung keperluan hidup keluarganya di Indonesia.



GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

KUMPULAN yang dikenali Lumbang Informasi Rakyat (LIRA) mengadakan tunjuk perasaan anti-Malaysia di luar Kedutaan Malaysia di Jakarta.

laksa Penang, char kwetiau Ipoh, nasi dagang Terengganu, toseh dan lain-lain yang mencerminkan kekayaan budaya dan warisan setempat. Mungkin tiba masanya mempopularkan makanan ini dan lupakan bakso walaupun pun ini akan mengguris hati orang Jawa yang selesa sebagai rakyat Malaysia.

Perlu diakui bahawa di sebalik persamaan, Malaysia dan Indonesia juga berbeza. Masing-

masing dengan identiti, wawasan dan kelebihan tersendiri. Malaysia sebuah negara pelbagai bangsa, budaya dan bahasa yang dibenarkan praktiknya dalam pelbagai bentuk. Terdapat akhbar, institusi pendidikan, perayaan, cuti umum, ahli Kabinet dan pelbagai lagi yang mencerminkan kepelbagaian ini. Tarian singa melambangkan budaya Cina dan diamalkan sebagai sebahagian warisan bu-

daya masyarakat Malaysia.

Setakat ini Malaysia belum pernah menerima aduan kecurian budaya dari China! Tetapi perlu berhati-bertahi menonjolkan budaya dan warisan Melayu kerana ini akan menimbulkan cemuan dari sesetengah orang di Indonesia?

Seorang rakan penulis bertanya kenapa di Indonesia' tidak ada demonstrasi membakar bendera Kuwait dan Arab Saudi dan melempar najis di kedutaan itu sebagai protes terhadap pembantu rumah Indonesia yang pernah dilayan secara kasar di negara berkenaan? Adakah mereka membakar bendera Singapura apabila kes sama berlaku? Hakikatnya ialah hubungan Malaysia-Indonesia amat kompleks dan tidak boleh semata-mata disimpulkan sebagai kejahatan Malaysia atau Indonesia terhadap satu sama lain. Kerencaaman ini perlu difahami pemimpin, media dan cendekiawan kedua-dua negara kerana mereka yang mampu menentukan hala tuju hubungan dua negara ini.

Bagi Malaysia, mengukuh dan menonjolkan identiti dan warisan budaya setempat adalah lebih terhormat daripada cuba memujuk Indonesia dengan idea 'keserumpunan' yang sudah lapuk dan menjadikan negara ini 'adik kecil' kepada sebuah negara jiran yang besar. Malaysia tidak perlu berteduh di bawah keagungan bangsa lain dalam proses mencapai kegemilangan. Seperti dibayangkan oleh Presiden Susilo, lebih baik menumpukan kepada bidang yang memberi manfaat bersama yang Malaysia dan Indonesia berkongsi peranan di rantau ini. Inilah yang akan menjamin keharmonian dan kesaksamaan hubungan kedua-dua negara pada masa hadapan. Ia akan mengelak hubungan Malaysia-Indonesia terus terperangkap dalam mitos 'keserumpunan' yang kabur dan mengelirukan sekali gus jelas tidak sekali-kali menguntungkan Malaysia.

Penulis Prof Madya di Jabatan Pengajian Strategik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

“

*Demonstrasi
membabitkan*

*penghinaan terhadap maruah
Malaysia dan ancaman kepada
rakyatnya menunjukkan betapa
isu yang boleh diselesaikan secara
diplomatik dan waras
dipergunakan kumpulan itu
untuk kepentingan mereka”*

“

*Rakyat Malaysia secara
keseluruhan bertanya-
tanya kenapa Indonesia begitu
benci orang Malaysia sedangkan
di Malaysia, Indonesia selama ini
dianggap seperti saudara?”*

“

Mungkin ini kerana antara Malaysia,

Brunei dan Singapura wujud persamaan budaya politik yang terhasil dari sejarah, keadaan ekonomi dan sosial serta sistem politik yang menyebabkan pemerintah dihormati dalam hal bersangkutan pelaksanaan peraturan, undang-undang dan perlakuan negara di peringkat antarabangsa”

“

Seperti dibayangkan oleh Presiden Susilo,

lebih baik menumpukan kepada bidang yang memberi manfaat bersama yang Malaysia dan Indonesia berkongsi peranan di rantau ini. Inilah yang akan menjamin keharmonian dan kesaksamaan hubungan kedua-dua negara pada masa hadapan.”